

Prestasi tentera udara Malaysia memuaskan



DR MAHATHIR

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, prestasi Tentera Udara Diraja Malaysia TUDM adalah memuaskan setakat ini.

"Kemalangan udara memang berlaku di mana sahaja di dunia kerana ia adalah sesuatu di luar jangkaan dan kawalan manusia, selain dari kesilapan teknik dan cuaca buruk.

"Bagaimanapun, sehingga hari ini, prestasi TUDM adalah memuaskan dari segi kemalangan," katanya dalam jawapan bertulis kepada anggota Hamim Bachok, Haji Mohd Zain Abdullah di Dewan Rakyat semalam. Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Pertahanan, menambah, jumlah kemalangan udara TUDM dalam tempoh lima tahun lalu ialah 23, menyebabkan kematian 20 pegawai.

Antara pesawat-pesawat yang menemui kemalangan termasuklah Tebuan (8 buah), Alouette (5), Caribou (2), F5E (2) dan Bulldog (3).

Perdana Menteri menjelaskan, langkah-langkah untuk mengelak dan mengurangkan kemalangan udara memang sentiasa dilakukan oleh TUDM.

Langkah-langkah ini, katanya, termasuk:

● Mengadakan kempen-kempen "flight safety" di setiap pengkalan sebagai peringatan kepada semua anggota TUDM supaya lebih berwaspada dan sedar akan pentingnya "flight safety" demi untuk mengelak-

kan daripada berlakunya kemalangan.

● Semua anggota termasuk pemandu, jurutera, juruteknik, bahagian bekalan dan tadbir dimestikan mempunyai sikap "safety first" kerana ini adalah satu ciri terpenting dalam TUDM.

● Meningkatkan mutu pengawasan dan

penyeliaan di kalangan kakitangan pengawap pesawat-pesawat.

● Memberhentikan pesawat-pesawat yang sudah lama digunakan (seperti Tebuan) daripada terbang dan diganti dengan pesawat-pesawat baru yang lebih moden.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5852
No. Penerbitan 169/86